

# LAPORAN LATIHAN AMALI

KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM

KELEWATAN PERLAKSANAAN PROJEK PROJEK  
PEMBANGUNAN ANJURAN MARA

YANTI BINTI SODIMIN  
94860395  
DIPLOMA BANGUNAN 05  
PENSYARAH : EN MD. AMIN MD DIN

### SENARAI LAMPIRAN.

- |               |   |                                    |
|---------------|---|------------------------------------|
| Lampiran 1.1  | - | Group Structure - (4)              |
| Lampiran 1.2  | - | Senarai Perunding - (5)            |
| Lampiran 1.3  | - | Carta Aliran kerja - (9)           |
| Lampiran 1.4  | - | Senarai Projek Pelajaran MARA -(7) |
| Lampiran 1.5  | - | MARA Departments - (8)             |
| Lampiran 1.6  | - | Cadangan Lokasi Tapak Bina - (11)  |
| Lampiran 1.7  | - | Material On Site - (24)            |
| Lampiran 1.8  | - | Fortnight Targeted Progress - (34) |
| Lampiran 1.9  | - | Pengganti Site Supervisor - (39)   |
| Lampiran 1.10 | - | Peralatan jentera - (64)           |
| Lampiran 1.11 | - | Carta Laporan Cuaca - (115)        |
| Lampiran 1.12 | - | Bayaran Kemajuan - (141 a)         |
| Lampiran 1.13 | - | Carta Organisasi Tapak - (159)     |
| Lampiran 1.14 | - | Percanggahan Lukisan Pelan - (166) |
| Lampiran 1.15 | - | Masalah Asrama (Cerucuk)           |
| Lampiran 1.16 | - | Checklist - (195)                  |

### SENARAI GAMBARAJA 4

- |              |   |                                    |
|--------------|---|------------------------------------|
| Gambarajah 1 | - | Pengaratan Besi - (95)             |
| Gambarajah 2 | - | Bahan (simen) rosak - (88)         |
| Gambarajah 3 | - | Tanah Berbeza (Asrama) - (101)     |
| Gambarajah 4 | - | Kecadaan tanah bilik dajah - (113) |
| Gambarajah 5 | - | Cuaca (hujan) - (114)              |
| Gambarajah 6 | - | Kerosakan kabel elektrik - (118)   |
| Gambarajah 7 | - | Honeycomb Bilik Dajah - (130)      |

## PENGHARGAAN.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dapat menyiapkan laporan latihan amali bagi semester ke lima.

Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Techart Project Manager Sdn. Bhd. selaku syarikat perunding kerana memberi peluang menjalani latihan amali selama 6 bulan dengan memberi pelbagai pendedahan di dalam aspek pengurusan tapak dan projek.

Terima kasih khas untuk En. Jamaluddin Harun selaku penyelia latihan amali di pejabat di atas kerjasama memberi bimbingan dan peluang kepada saya mengendalikan projek MRSM Muar dan MRSM Jelebu. Setinggi-tinggi penghargaan untuk mereka yang terlibat di dalam latihan ini antaranya :-

- I) En. Masduki Llin : Pengurus Besar Techart Project Manager.
- II) En. Asmadi Badri : Pengurus Besar Techart Sdn. Bhd.
- III) En. Anuar Tompong : Senior project Quantity Surveyor TSB.
- IV) Pn. Roslina Saat : Pengurus Besar Jabatan Ukur Bahan (TQS).

## **1.0 PENGENALAN SYARIKAT.**

### **TECHART SENDIRIAN BERHAD.**

1.0.1 TSB merupakan anak syarikat MARA sebelum diswastakan pada tahun 1993. Ia ditubuhkan untuk mengendalikan projek-projek MARA di seluruh negara. Pada masa ini TSB mempunyai banyak jabatan yang diberi pengkhususan di dalam kerja masing-masing. (*Rujuk Lampiran 1.1*)

1.0.2 TECHART PROJECT MANAGER SDN. BHD. (TPMSB) merupakan syarikat perunding yang dilantik oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebagai Pengurus Projek.

1.0.3 Ia berfungsi sebagai satu badan yang dipertanggungjawab mengendalikan projek MARA dengan mengawasi keseluruhan projek dan mendapat kerjasama daripada para perunding yang terlibat di dalam satu-satu projek.

**1.0.4** Antara perunding-perunding yang pernah terlibat dan bekerjasama dengan TPMSB ialah :-

*(Rujuk Lampiran 1.2).*

**1.0.5** Syarikat ini mempunyai dua (2) bahagian iaitu Pre-Contract dan Post-Contract. Setiap bahagian mempunyai peranan masing-masing. Mereka yang terlibat di dalam Pre-Contract akan mengendalikan kerja-kerja sebelum pembinaan dilakukan seperti Penyediaan Tender, Pemilihan pemborong melalui analisa tender dan sebagainya. Post-Contract pula ditugaskan untuk mengendalikan kerja-kerja selepas pembinaan dijalankan antaranya Penyediaan Akaun Akhir dan Defect Liability Period tamat.

**1.0.6** Pihak MARA telah memberi tanggungjawab kepada Techart untuk mengendalikan semua projek supaya dapat disiapkan mengikut tarikh yang telah dipersetujui.